

28/03/1998

Langkah segera atasi masalah air

Ahmad Zaini Kamaruzaman; Kamarudin Mat Akib
JITRA, Jumaat - Kerajaan mengambil beberapa langkah segera bagi memastikan masalah kekurangan bekalan air kerana kemarau sekarang tidak berlarutan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Justeru itu, kata Perdana Menteri, rakyat perlu berjimat menggunakan air kerana pelaksanaan beberapa cadangan bagi menyelesaikan masalah itu memerlukan sekurang-kurangnya lima bulan.

"Kita buat beberapa cadangan, tetapi ia mengambil masa sekurang-kurangnya lima bulan baru selesai. Mungkin dalam lima bulan ini, kita dapat hujan lebat pula," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu, di Dewan Jitra di sini hari ini.

Akibat kemarau, beberapa kawasan di seluruh negara terutama Lembah Klang menghadapi masalah kekurangan air sejak dua minggu lalu. Mulai semalam, Jabatan Bekalan Air Selangor mula mengagihkan air secara berjadual kepada kira-kira 500,000 penduduk yang terjejas.

Masalah kekurangan air turut dilaporkan di Pulau Pinang dan Melaka sehingga memaksa pihak berkuasa air di negeri berkenaan mencatu bekalan air kepada penduduk.

Dr Mahathir berkata, masalah kekurangan bekalan air di negara ini sekarang ada kaitan dengan iklim yang sedang melanda dunia.

Beliau juga berkata, tindakan paling berkesan dalam menangani masalah kekurangan air ialah berjimat cermat dalam penggunaannya.

Menurutnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mempengerusikan satu mesyuarat untuk mendapatkan maklumat terbaru mengenai masalah itu serta mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Difahamkan kerajaan akan mengumumkan langkah segera yang perlu dilakukan bagi mengatasi masalah bekalan air selepas Anwar diberi taklimat mengenai perkara itu.

(END)